

Penjamin

banking info

INFO PERBANKAN

PINJAMAN ANDA

Penjamin

Program pendidikan pengguna oleh:



**BANK NEGARA MALAYSIA**  
CENTRAL BANK OF MALAYSIA



PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA  
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

- 1 Pengenalan
- 2 Apakah jaminan?  
Siapakah yang boleh jadi penjamin?
- 3 Hak-hak seorang penjamin
- 4 Liabiliti seorang penjamin
- 5 Nasihat guaman bebas
- 6 Pengehadan tindakan terhadap penjamin
- 7 Pelepasan penjamin  
Apa yang anda kena buat dan jangan buat
- 9 Apa yang patut diketahui oleh penjamin
- 10 Soalan yang sering ditanya
- 16 Glosari

#### Penafian

Dokumen ini diterbitkan untuk maklumat am anda sahaja. Ia tidak mengandungi nasihat muktamad atau maklumat lengkap mengenai sesuatu tajuk tersebut dan tidak seharusnya digunakan sebagai alternatif kepada nasihat guaman.

Tarikh: 15 Januari 2004



Penjamin **terikat**  
dari segi undang-undang  
untuk membayar balik  
pinjaman jika peminjam  
tidak membuat pembayaran

## Pengenalan

Institusi kewangan mungkin memerlukan jaminan untuk meningkatkan kedudukan kredit bakal peminjam, dengan itu membolehkan mereka mendapat pembiayaan.

Ramai beranggapan bahawa penjamin sekadar memberi rujukan yang baik mengenai karektor peminjam. Mereka tidak menyedari bahawa mereka sebenarnya terikat dari segi undang-undang untuk membayar balik pinjaman jika peminjam tidak boleh atau enggan membuat pembayaran balik.

Buku kecil ini memberi maklumat mengenai butir-butir dan implikasi jaminan yang diberi oleh individu dan bertujuan untuk meningkatkan pemahaman orang ramai mengenai jaminan. Ia memberi panduan kepada anda mengenai keperluan undang-undang, hak-hak dan liabiliti seorang penjamin dan menekankan isu-isu penting yang seseorang perlu ketahui sebelum bersetuju untuk menjadi penjamin.

# Sebagai seorang penjamin, anda diberi hak-hak tertentu

## APAKAH JAMINAN?

Jaminan adalah satu kontrak sah yang mengikat anda untuk membayar hutang peminjam jika peminjam tersebut gagal berbuat demikian. Institusi kewangan yang berkenaan boleh mendakwa anda jika peminjam tidak membayar hutangnya.

## SIAPAKAH YANG BOLEH JADI PENJAMIN?

Sesiapa sahaja boleh menjadi penjamin asalkan ia dapat memenuhi keperluan undang-undang untuk menjadi seorang penjamin. Namun demikian, memandangkan seorang penjamin bertanggungjawab membayar hutang peminjam jikalau beliau mungkir, anda patut mempertimbangkan untuk menjadi penjamin hanya kalau anda sudah benar-benar pasti bahawa anda mampu menjelaskan hutang peminjam jika beliau gagal berbuat demikian.

Syarat-syarat yang ditetapkan oleh undang-undang bagi seorang penjamin merangkumi:

- Berumur 18 tahun ke atas
- Bukan seorang bankrap
- Berfikiran waras dan berkeupayaan dari segi mental untuk memahami dokumen jaminan dan tanggungjawab serta kewajipan seseorang penjamin
- Telah bersetuju secara suka rela untuk menjadi penjamin (iaitu tidak dipaksa atau menandatangani kontrak kerana dipengaruhi secara tidak wajar, fraud, salah representasi atau akibat kesilapan)

Namun demikian, keputusan muktamad sama ada untuk menerima anda sebagai penjamin adalah terpulang kepada institusi kewangan yang berkenaan.

### HAK-HAK SEORANG PENJAMIN

Sebagai seorang penjamin, anda diberi hak-hak tertentu sebelum dan selepas menandatangani kontrak jaminan. Ini termasuk:

- Hak untuk mendapat salinan surat jaminan atau kontrak jaminan dan sebarang dokumen lain yang berkaitan dengan transaksi pinjaman tersebut
- Hak untuk mendapat khidmat nasihat daripada peguam anda sebelum menandatangani kontrak jaminan. (Namun demikian, fi guaman adalah di atas tanggungan sendiri)
- Hak untuk mendapat maklumat mengenai baki tertunggak akaun peminjam dengan institusi kewangan tersebut tertakluk kepada keizinan peminjam
- Hak untuk meminta peminjam membuat pembayaran bagi melepaskan liabiliti anda sebagai penjamin. Hak ini boleh digunakan pada bila-bila masa malah sebelum institusi kewangan tersebut mengeluarkan notis tuntutan kepada peminjam untuk menjelaskan hutangnya. Namun demikian, hak ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat pinjaman yang mungkin berbeza daripada seorang pelanggan kepada pelanggan yang lain




- Hak untuk mendapat bayaran ganti daripada peminjam bagi sebarang pembayaran yang telah dibuat oleh anda kepada institusi berkenaan. Ini bererti anda boleh mendakwa peminjam tersebut untuk amaun yang telah anda bayar kepada institusi kewangan tersebut.

### **LIABILITI SEORANG PENJAMIN**

Apa yang kerap berlaku ialah penjamin sewenang-wenangnya menandatangani kontrak jaminan tanpa menyedari sepenuhnya implikasi masa hadapan. Oleh itu, amalan membaca dan memahami kontrak jaminan sebelum menandatangani adalah amat penting bagi seorang bakal penjamin. Berikut adalah beberapa faktor yang menjelaskan liabiliti seorang penjamin:

- Tahap liabiliti yang ditanggung oleh seorang penjamin adalah seperti yang termaktub di dalam dokumen jaminan
- Seorang penjamin akan dipertanggungjawabkan ke atas liabiliti peminjam mengikut syarat-syarat yang terkandung di dalam dokumen jaminan



# Dapatkan **khidmat nasihat guaman**

mengenai implikasi undang-undang sebelum menandatangani jaminan

- Seorang penjamin hanya dianggap bertanggungjawab ke atas jaminan sekiranya peminjam mungkir dalam membuat sebarang pembayaran kepada institusi kewangan dan institusi tersebut telah membuat tuntutan ke atas penjamin

## **NASIHAT GUAMAN BEBAS**

Usaha mendapatkan **nasihat guaman bebas** sebelum menandatangani kontrak jaminan adalah dianggap penting. Ini akan memastikan bahawa anda benar-benar faham akan sifat sebenar dokumen tersebut dan implikasi undang-undang, contohnya hak-hak dan liabiliti di bawah sesuatu kontrak jaminan, terutamanya kalau institusi kewangan menukar syarat-syaratnya di sepanjang tempoh pinjaman itu.

Pastikan anda mengetahui **liabiliti**  
anda jika berlaku **variasi** ke atas  
syarat-syarat pinjaman

#### **PENGEHADAN TINDAKAN TERHADAP PENJAMIN**

- Di mana komitmen jaminan perlu ditunaikan sebaik sahaja diminta berbuat demikian, institusi kewangan tidak boleh mengambil tindakan undang-undang terhadap penjamin selagi suatu tuntutan di bawah jaminan tersebut belum dibuat terhadap penjamin
- Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalam kontrak jaminan, tuntutan boleh dibuat melalui serahan tangan, pos biasa atau surat berdaftar
- Institusi kewangan mempunyai tempoh selama enam tahun dari tarikh tuntutan pertama untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap penjamin

## PELEPASAN PENJAMIN

- Seseorang penjamin akan terlepas daripada tanggungjawab di bawah jaminan tersebut setelah pembayaran kepada institusi kewangan dibuat sepenuhnya
- Untuk memastikan sesuatu kontrak jaminan boleh dikuatkuasakan terhadap penjamin, syarat-syarat jaminan mesti dipatuhi oleh institusi kewangan terlibat

## APA YANG ANDA KENA BUAT DAN JANGAN BUAT

- Baca dan memahami sifat jaminan tersebut. Seseorang bakal penjamin **dinasihatkan agar tidak** menandatangani dokumen yang belum dibacanya atau menandatangani dokumen kosong atau borang yang tidak lengkap. Seseorang yang menandatangani dokumen seperti ini sukar untuk mendapat pembelaan di sisi undang-undang jika dicabar di mahkamah





- Dapatkan khidmat nasihat profesional/ guaman mengenai implikasi undang-undang sebelum menandatangani jaminan tersebut
- Semak dan pastikan bahawa jaminan tersebut adalah tertakluk kepada undang-undang yang terdapat di Malaysia
- Berwaspada sebelum menyerahkan salinan kad pengenalan atau pasport kepada orang selain daripada institusi kewangan atau peguam-peguam yang bertindak bagi pihak anda
- JANGAN menandatangani perjanjian jaminan jika anda:
  - Tidak ada kepentingan dari segi kewangan, perniagaan mahupun moral dalam transaksi tersebut dan tidak pasti dengan sifat transaksi tersebut
  - Mempunyai keraguan mengenai kemampuan atau integriti peminjam
  - Merasai bahawa anda telah didesak atau dalam keadaan terpaksa untuk berbuat demikian
- Tidak memahami syarat-syarat jaminan tersebut dan tidak mendapat bantuan penasihat bebas yang boleh memberi penjelasan kepada anda
- Berasa yakin bahawa anda tidak mampu menjelaskan hutang peminjam jika beliau gagal membuat pembayaran
- SENTIASA pastikan bahawa:
  - Amaun maksimum yang dijamin dinyatakan dengan jelas dan sama ada ia merangkumi faedah terakru
  - Anda mengetahui liabiliti anda jika berlaku variasi ke atas syarat-syarat pinjaman
  - Jika jaminan diberi secara bersama atau secara bersama dan berasingan, pastikan bahawa semua penjamin telah menandatangani jaminan tersebut
  - Nama peminjam jelas dinyatakan dalam dokumen jaminan
  - Anda mendapatkan penerangan atau penjelasan mengenai mana-mana syarat jaminan tersebut, jika berasa ragu-ragu. Kalau perlu, dapatkan khidmat nasihat guaman sebelum menurunkan tandatangan

## APA YANG PATUT DIKETAHUI OLEH PENJAMIN

Sesuatu pinjaman boleh dijamin oleh seorang atau lebih daripada seorang penjamin. Namun demikian, ini tidak bermakna liabiliti penjamin dibahagikan sama rata di kalangan penjamin-penjamin yang terlibat. Institusi-institusi kewangan mempunyai hak untuk mendapatkan balik hutangnya sama ada keseluruhan atau sebahagian hutang tersebut daripada mana-mana penjamin yang terlibat.

- Jaminan Bersama

Di bawah kontrak jaminan yang melibatkan lebih daripada seorang penjamin, jika salah seorang daripada penjamin meninggal dunia, tanggungjawab jaminan akan terus ditanggung oleh penjamin-penjamin yang masih hidup.

- Jaminan Bersama dan Berasingan

Di bawah kontrak jaminan yang dibuat secara bersama dan berasingan, apabila seorang daripada penjamin meninggal dunia, estet si mati akan terus bertanggungjawab ke atas jaminan tersebut bersama-sama dengan penjamin-penjamin yang lain.

Di bawah **kontrak jaminan** yang dibuat secara **bersama dan berasingan**, apabila seorang daripada penjamin meninggal dunia, estet si mati akan terus bertanggungjawab

## SOALAN YANG SERING DITANYA

**Mengapakah institusi-institusi kewangan memerlukan jaminan?**

Institusi kewangan mungkin memerlukan jaminan untuk meningkatkan kedudukan kredit bakal peminjam dan, dengan ini, membolehkan mereka mendapat pembiayaan.

**Jaminan lazimnya diberi untuk manfaat institusi kewangan dan ia biasanya merupakan dokumen standard yang menggunakan istilah undang-undang. Saya tidak memahaminya. Apakah yang boleh saya buat?**

Anda boleh meminta pegawai institusi kewangan tersebut untuk menjelaskan implikasi undang-undang kepada anda atau, anda boleh memilih untuk mendapatkan peguam peribadi bagi menjelaskan jaminan tersebut kepada anda. Jangan menandatangani jaminan tersebut jika anda berasa kurang selesa dengan mana-mana fasal di dalamnya.

**Saya telah memberi jaminan untuk pinjaman tertentu yang mana pinjaman pokoknya sudah berkurangan akibat pembayaran balik yang tetap. Peminjam tersebut telah memohon kepada institusi kewangan untuk menambah jumlah pinjamannya dan ianya masih dalam lingkungan jumlah jaminan yang telah ditandatangani oleh saya. Adakah saya bertanggungjawab ke atas amaun tambahan tersebut?**

Tidak. Jika anda memberi jaminan untuk pinjaman tertentu, tahap liabiliti akan berkurangan mengikut pembayaran balik yang dibuat. Jika pemberi pinjaman ingin memberi pinjaman tambahan bersandarkan jaminan anda, institusi kewangan tersebut perlu mendapatkan jaminan yang baru daripada anda atau mendapatkan kebenaran bertulis daripada anda untuk memberi jaminan bersambung yang meliputi jumlah pinjaman tambahan.

Bagi kemudahan overdraf pula, umumnya penjamin akan terus bertanggungjawab setakat amaun yang telah dijamin dan sebarang kenaikan daripada had ini memerlukan persetujuan penjamin terlibat.

## Adakah tandatangan saya perlu disaksikan?

Ya. Jaminan lazimnya ditandatangani di hadapan pihak ketiga, walaupun pegawai institusi kewangan terlibat yang berkenaan biasanya menjadi saksi. Walau bagaimanapun, institusi kewangan biasanya tidak membenarkan seorang isteri/suami untuk menjadi saksi kepada suaminya/isterinya tanpa khidmat nasihat bebas.

## Bagaimanakah saya boleh menarik diri daripada menjadi penjamin?

Seseorang penjamin boleh memohon untuk menarik diri sebagai penjamin. Namun demikian, keputusan sama ada untuk meluluskan permohonan itu adalah tertakluk kepada budi bicara institusi kewangan. Institusi kewangan berkenaan boleh:

- Bersetuju tanpa syarat
- Bersetuju jika ada penjamin gantian. Namun demikian, syaratnya ialah penjamin baru hendaklah bersetuju untuk menanggung semua liabiliti yang kini, lampau dan akan datang daripada penjamin sebelumnya
- Bersetuju tertakluk kepada pembayaran sebahagian daripada hutang
- Tidak bersetuju selagi hutang pokok tidak dibayar sepenuhnya
- Menuntut bayaran hutang sepenuhnya

**Bolehkah saya menjadi penjamin untuk jangka masa yang tertentu sahaja?**

Boleh. Namun demikian, ini bergantung kepada pengaturan yang dibuat oleh peminjam dengan institusi kewangan tersebut.

**Bolehkah saya dibankrapkan jika peminjam tidak membayar balik pinjamannya kepada institusi kewangan?**

Boleh. Jika hutang tersebut adalah bersamaan dengan ataupun melebihi RM30,000, seperti yang ditakrifkan di dalam Akta Kebankrapan 1967, institusi kewangan boleh mengambil tindakan kebangkrapan ke atas anda untuk mendapatkan balik hutangnya.

**Bagaimanakah kalau saya tidak bersetuju atau ingin menukar syarat-syarat tertentu di dalam kontrak jaminan?**

Semua institusi-institusi kewangan mempunyai dokumen standard masing-masing bagi kontrak jaminan untuk melindungi kepentingan institusi kewangan terlibat. Akhirnya, keputusan terletak di tangan anda, setelah mendapat khidmat nasihat undang-undang, jika perlu, sama ada untuk menandatangani kontrak jaminan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan oleh institusi kewangan atau tidak.

**Adakah saya akan dilepaskan daripada jaminan tersebut jika peminjam meninggal dunia?**

Tidak. Institusi kewangan akan membekukan akaun peminjam untuk menentukan jumlah hutang peminjam tersebut dan sekiranya tidak ada sumber alternatif, institusi kewangan terlibat akan menuntut bayaran daripada penjamin.

**Kalau terdapat lebih daripada seorang penjamin dan setiap seorang mengunjungi institusi kewangan pada masa yang berlainan untuk menandatangani jaminan tersebut, bagaimanakah tandatangan boleh diturunkan?**

Semua penjamin adalah dinasihatkan agar menandatangani dokumen tersebut pada masa yang sama. Namun demikian, dalam keadaan ini, penjamin-penjamin masing-masing boleh menandatangani sesuatu dokumen jaminan pada masa yang berlainan (dalam tempoh yang berpatutan dan tidak dilengah-lengahkan tanpa sebab).

**Saya tidak tahu membaca atau menulis dalam Bahasa Inggeris. Bolehkah saya memasuki kontrak jaminan dalam Bahasa Inggeris?**

Penjamin dinasihatkan agar meminta dokumen tersebut diterjemahkan untuknya dan ianya mesti khusus dinyatakan bahawa kandungan di dalam dokumen tersebut telah dijelaskan dan telah difahami sepenuhnya oleh penjamin.

**Bolehkah saya menjadi penjamin untuk pinjaman yang diambil oleh suami/isteri atau anak saya?**

Ya. Walau bagaimanapun, keputusan untuk menerima anda sebagai penjamin atau tidak adalah tertakluk kepada budi bicara institusi kewangan terlibat.

**Kalau saya jadi seorang penjamin, adakah saya mempunyai hak untuk diberitahu mengenai kedudukan akaun peminjam?**

Anda berhak diberitahu mengenai kedudukan akaun bagi jaminan yang diberi, tertakluk kepada keizinan peminjam. Penjamin-penjamin biasanya akan menerima salinan surat peringatan yang dihantar kepada peminjam. Namun demikian, institusi kewangan tidak wajib mendedahkan maklumat mengenai akaun-akaun lain peminjam tersebut yang tidak berkaitan dengan jaminan anda.

**Apakah umur maksimum untuk diterima sebagai penjamin?**

Institusi kewangan berhak menggunakan budi bicaranya untuk menerima sesiapa sahaja sebagai penjamin asalkan keperluan undang-undang bagi seorang penjamin dipatuhi.

**Bagaimanakah kalau saya tidak bersetuju dengan perubahan yang dibuat kepada syarat-syarat pinjaman yang diberi kepada peminjam setelah kontrak jaminan ditandatangani?**

Kebanyakan institusi kewangan akan memasukkan hak untuk membuat perubahan kepada syarat-syarat pinjaman. Oleh itu, adalah penting agar bakal penjamin membaca dan memahami implikasi jaminan dan mendapat khidmat nasihat guaman, di mana perlu.

**Bolehkah institusi kewangan mengambil tindakan undang-undang terhadap peminjam dan penjamin pada masa yang sama tanpa bersungguh-sungguh mendapatkan pembayaran balik daripada peminjam terlebih dahulu?**

Institusi kewangan berhak menggunakan budi bicaranya untuk memulakan tindakan undang-undang terhadap peminjam dan penjamin sama ada secara serentak atau selepas kehabisan ikhtiar dari segi undang-undang terhadap peminjam. Namun demikian, mulai 1 Oktober 2003, Akta Kebankrapan 1967 memperuntukkan bahawa bagi penjamin sosial, iaitu, seorang yang memberi jaminan untuk tujuan seperti berikut:

- Pinjaman, biasiswa atau bantuan untuk tujuan pendidikan atau penyelidikan
- Transaksi sewa beli untuk kenderaan persendirian atau bukan untuk perniagaan
- Perumahan untuk kediaman sendiri

pemutang tidak berhak untuk memulakan **tindakan kebangkrapan** melainkan ia dapat membuktikan bahawa ia telah kehabisan ikhtiar untuk mendapatkan balik semua bayaran yang terhutang oleh peminjam.

Tambahan pula, untuk pinjaman peribadi yang berjumlah sehingga RM250,000 yang diambil selepas 26 Mei 2001, institusi kewangan adalah dikehendaki untuk menggunakan usaha terbaiknya untuk mengutip semula hutang daripada peminjam dan hanya boleh memulakan tindakan undang-undang terhadap penjamin selepas satu tahun dari tarikh tindakan undang-undang dimulakan terhadap peminjam.

## **GLOSARI**

### **Penjamin**

Seseorang yang dengan rasminya membuat perjanjian untuk bertanggungjawab ke atas hutang orang lain.

### **Liabiliti**

Tanggungjawab untuk membayar kerana keperluan undang-undang.

### **Kontrak Jaminan**

Satu perjanjian di mana penjamin memberi jaminan akan menyelesaikan hutang belum jelas peminjam jika peminjam tersebut gagal membayar balik pinjaman.

### **Jaminan Bersama**

Di bawah kontrak jaminan yang melibatkan lebih daripada seorang penjamin, jika salah seorang daripada penjamin meninggal dunia, tanggungjawab jaminan akan terus ditanggung oleh penjamin-penjamin yang masih hidup.

### **Kontrak Bersama dan Berasingan**

Di bawah kontrak jaminan yang dibuat secara bersama dan berasingan, apabila seorang daripada penjamin meninggal dunia, estet si mati akan terus bertanggungjawab ke atas jaminan tersebut bersama-sama dengan penjamin-penjamin yang lain.



176-7165

Name

Name

**UNTUK MAKLUMAT LANJUT**

**SILA LAYARI**

**[www.bankinginfo.com.my](http://www.bankinginfo.com.my)**

**ATAU LAWATILAH KIOS KAMI DI BANK-BANK TERTENTU**

